Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) dan Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FSN).

1. Rakyat Malaysia perlu bekerjasama untuk memperkukuh keamanan negara.

FN + FN | FN + FK | FN + FA | FN + FSN

2. Baju kebaya bercorak songket itu sungguh cantik.

FN + FN | FN + FK | FN + FA | FN + FSN

3. Kumpulan pelajar kolej itu ke hutan simpanan untuk menjalankan penyelidikan.

FN + FN | FN + FK | FN + FA | FN + FSN

4. Cikgu Tan CL guru mata pelajaran Bahasa Melayu di Kolej Vokasional Kulim.

FN + FN | FN + FK | FN + FA | FN + FSN

5. Hadiah itu untuk murid-murid yang mendapat tahap penguasaan cemerlang dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

FN + FN | FN + FK | FN + FA | FN + FSN

6. Sejak lima tahun yang lalu, Amira bertugas sebagai wartawan sambilan di Syarikat Percetakan Gemilang.

FN + FN | FN + FK | FN + FA | FN + FSN

